

Anwar cabar bawa usul ke Parlimen

Pihak dakwa ada cukup sokongan boleh bawa pada sidang dewan untuk dapat keabsahan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Permatang Pauh: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar mana-mana pihak yang mendakwa mempunyai sokongan cukup bagi menumbangkan Kerajaan Perpaduan supaya membawa usul berkenaan ke sidang Parlimen bulan ini.

Ahli Parlimen Tambun itu berkata, beliau bukan Perdana Menteri yang takut seperti pimpinan negara terdahulu apabila memilih menangguhkan sidang Parlimen dan mengisytiharkan darurat bagi mengelak 'bertempur'.

Katanya, pihak yang yakin mempunyai sokongan cukup Ahli Parlimen bagi menukar kerajaan boleh membawa usul undi percaya kepada Perdana Menteri bagi mendapatkan keabsahan.

"Sebab itu bila ada pertelingkahan mengenai kestabilan dalam negara, saya tegas menyatakan saya bukan mantan Perdana Menteri yang elak berdepan berentap dalam mendapatkan keabsahan.

"Mantan Perdana Menteri dulu memilih isytihar darurat dan tangguh Parlimen. Perdana Men-



Anwar bersalaman serta beramah mesra dengan orang ramai pada sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI di UiTM Palau Pinang, Permatang Pauh, semalam. (Foto Danial saad/BH)

teri dan Kerajaan Perpaduan sekarang memilih berdepan dan bertempur di Parlimen jika mereka ada angka yang cukup seperti dikatakan.

"Jadi dengan kenyataan ini, saya mahu matikan sebarang kenyataan yang mengganggu kestabilan negara, saya yakin kita ada angka yang ampuh, kita masih bertahan dengan angka 148 (Ahli Parlimen) dan jika mahu dicabar, cabar di Parlimen," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang di sini, semalam.

Yang turut hadir Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

Matikan desas desus

Anwar berkata, beliau sama sekali tidak akan menghalang usul bagi mencabar kedudukannya sebagai Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan di Parlimen.

Bagaimanapun, katanya, usul berkenaan perlu dijadikan penamat kepada segala pertelingkahan yang timbul bagi membolehkan urusan pentadbiran negara

berjalan lancar.

"Saya nak matikan desas-desus (perubahan kerajaan), jika benar ada angka jangan mengigau mempersulitkan rakyat, cari Ahli Parlimen menyokong mereka, bawa usul ...saya tak akan elak daripada membentangkan usul undi percaya atau tak percaya.

"Saya bukan jenis pimpinan dulu yang memilih lari daripada kenyataan, memilih isytihar darurat, menangguhkan sidang Parlimen. Kita akan adakan sidang dalam tempoh dua minggu lagi, kalau ada angka bawa dan saya akan berdepan serta bertempur di Parlimen.

"Tapi syaratnya biar ini jadi episod terakhir supaya kita boleh tumpu perhatian untuk membangunkan negara, ketika ini dalam tempoh beberapa bulan Kerajaan Perpaduan memerintah, kita tambah hasil negara dan tiada kontrak diberikan kepada anak-beranak," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, bekas pemimpin yang mengumpulkan kekayaan ketika memerintah, dicabar menyerahkan separuh kekayaan mereka kepada orang Melayu jika benar mahu membantu bangsa itu yang dikatakan masih ketinggalan.

Beliau berkata, ada pemimpin dilihat mengaut kekayaan untuk diri dan sanak saudara mereka, namun sehingga kini gagal membantu orang Melayu.

Katanya, apabila tidak lagi mentadbir negara, mereka ini bersuara mahu membantu dan menyelamatkan orang Melayu yang dilupakan ketika mereka berkuasa.

"Sebab itu saya kata jangan guna kuasa untuk memperkayakan sanak saudara, tetapi apabila mereka hilang kuasa, bercakap mengenai hidup Melayu dan hendak menyelamatkan Melayu.

"Kalau betul nak selamatkan Melayu, saya nak cakap pada pembesar, Tun dan Tan Sri yang kaya ini, kalau betul nak tolong Melayu, yang kamu ambil berpuluh bilion selama ini, bagi setengah kepada orang Melayu.

"Saya harap perkara ini sampai, saya tak peduli. Berapa kekayaan? RM10 bilion, RM15 bilion? Betul nak tolong, nak jadi pejuang, nak selamatkan Melayu? Yang kamu sakau beri pada orang Melayu," katanya.